

'Najib takut guna Suhakam siasat kekejaman polis'
MalaysiaKini.com
May 04, 2012

DAP menyelar perdana menteri kerana mengeneipikan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) dengan membentuk sebuah panel baru untuk menyiasat laporan keganasan polis semasa BERSIH 3.0.

"Adakah ia kerana kabinet bimbang penemuan Suhakam akan menjejaskan pasukan polis dan kerajaan, dan dengan itu, Najib cuba menubuhkan sebuah panel baru yang akan lebih 'bersimpati' kepada kerajaan?" tanya Ahli Parlimen DAP, Tony Pua.

NONEPua (kanan) berkata, pengumuman kerajaan adalah "aneh" kerana ia telahpun menubuhkan Suhakam di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 untuk mengendalikan perkara pelanggaran hak asasi manusia.

Oleh itu, tegasnya, mengapa Suhakam diketepikan apabila ia membabitkan penyiasatan penyalahgunaan hak asasi manusia oleh pasukan polis.

"Adakah pesuruhjaya yang sedia ada tidak cukup baik?" tanya ahli parlimen PJ Utara itu satu kenyataan hari ini.